

BAB 3 Proses Reka Bentuk

Panduan RPH	Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)	Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman	
3.1 Projek <i>Brief</i>	3.1.1 Mentakrifkan maksud projek <i>brief</i> 3.1.2 Mengenal pasti ciri dalam projek <i>brief</i>	<small>Buku Teks m.s 49 – 52</small>	Soalan 1 Soalan 2 Soalan 3	TP 1	30 – 31
BBM		PAK-21	KBAT		
Buku teks, kertas sebak dan penpenanda		<i>Round table</i>	Mengaplikasi		
EMK		i-THINK	Nilai Murni		
Nilai murni		Peta buih	Bekerjasama		
Cadangan PdPc					
<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru menerangkan maksud projek <i>brief</i> dan ciri-cirinya kepada murid. 2. Murid menjawab Soalan 1 – 3 dalam buku POWER UP RBT halaman 30 – 31. 3. Guru membahagikan murid kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan menerima sehelai kertas sebak. 4. Kertas sebak tersebut mengandungi peta buih yang bertajuk, “Ciri dalam projek <i>brief</i>”. 5. Secara bergilir-gilir, murid dalam kumpulan perlu memberi satu ciri dalam projek <i>brief</i> pada kertas sebak tersebut. 6. Kemudian setiap kumpulan perlu membentangkan hasil mereka berserta penerangan yang jelas berkaitan ciri-ciri projek <i>brief</i> di hadapan kelas. 					
Panduan RPH	Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)	Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman	
3.1 Projek <i>Brief</i>	3.1.2 Mengenal pasti ciri dalam projek <i>brief</i>	<small>Buku Teks m.s 50 – 52</small>	Soalan 4	TP 2	31
BBM		PAK-21	KBAT		
Kad bertulis ciri-ciri projek <i>brief</i> dan kad bertulis pernyataan ciri-ciri projek <i>brief</i>		<i>Mix N Match</i>	Mengaplikasi		
EMK		i-THINK	Nilai Murni		
–		–	Bekerjasama		
Cadangan PdPc					
<ol style="list-style-type: none"> 1. Bahagikan kelas kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan A dan kumpulan B. 2. Kumpulan A akan menerima kad bertulis ciri-ciri projek <i>brief</i>, manakala kumpulan B menerima kad bertulis pernyataan ciri-ciri projek <i>brief</i>. 3. Selepas menerima kad, setiap murid boleh bergerak secara bebas dalam kelas untuk mencari murid dari kumpulan lain yang memegang kad yang boleh dipadankan dengan kadnya. 4. Murid yang telah mendapatkan padanannya secara bergilir-gilir akan berdiri di hadapan kelas dan membentangkan hasil mereka. 5. Murid lain akan menentukan sama ada padanan tersebut betul atau salah dan akan menanyakan beberapa soalan berkaitan kad yang dipegang oleh pembentang. 6. Murid menjawab Soalan 4 dalam buku POWER UP RBT halaman 31. 					

Panduan RPH	Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman
Standard Kandungan (SK)				
3.1 Projek <i>Brief</i>	3.1.3 Merancang projek <i>brief</i> untuk penghasilan produk yang kreatif	<small>Buku Teks m.s 52 – 54</small>	Soalan 5	TP 3
BBM		PAK-21	KBAT	
Buku teks, kertas sebak dan pen penanda		Sumbang saran	Mencipta dan menganalisis	
EMK		i-THINK	Nilai Murni	
Kreativiti dan inovasi		–	Berdikari, kerjasama	

Cadangan PdPc

1. Guru berbincang dengan murid tentang produk yang hendak dihasilkan melalui borang projek *brief*.
2. Murid menjawab Soalan 5 dalam buku POWER UP RBT halaman 32 – 35.
3. Guru membahagikan murid kepada empat orang satu kumpulan.
4. Seterusnya, murid perlu memikirkan satu produk yang ingin dihasilkan berdasarkan ciri-ciri projek *brief*.
5. Kemudian, murid perlu melengkapkan borang projek *brief* bagi menghasilkan produk tersebut.
6. Setelah selesai, setiap kumpulan akan membuat pembentangan berkaitan borang projek *brief* di hadapan kelas secara bergilir-gilir.
7. Guru dan murid lain boleh memberikan komen terhadap jawapan bagi borang projek *brief* tersebut untuk penambahbaikan.

Panduan RPH	Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	Halaman
Standard Kandungan (SK)				
3.1 Projek <i>Brief</i>	3.1.5 Aplikasi projek <i>brief</i> dalam bentuk jadual dan lakaran	<small>Buku Teks m.s 56 – 57</small>	Soalan 8	TP 5
BBM		PAK-21	KBAT	
Buku teks dan kertas A4		<i>Timed drawing</i>	Mencipta	
EMK		i-THINK	Nilai Murni	
Kreativiti dan inovasi		–	Berdikari	

Cadangan PdPc

1. Guru menerangkan cara mengaplikasi projek *brief* dalam bentuk jadual dan lakaran.
2. Setiap pelajar akan diberi sehelai kertas A4 dan perlu melipatkan kertas tersebut kepada empat agar membentuk empat bahagian.
3. Guru akan menyediakan empat situasi berserta analisis kajian reka bentuk produk dan pasaran berdasarkan situasi-situasi yang disediakan itu.
4. Situasi pertama akan diberikan kepada murid. Murid perlu menganalisis maklumat yang diterima serta perlu melakarkan produk yang sesuai bagi situasi tersebut pada bahagian pertama kertas A4 yang diterima.
5. Masa yang diberikan untuk situasi pertama adalah 15 minit. Setelah tamat masa, guru akan memberikan situasi kedua dan seterusnya.
6. Setiap situasi mempunyai peruntukan masa yang berbeza, iaitu semakin singkat masa yang akan diberikan. (12 minit, 10 minit dan 5minit).
7. Setelah selesai, murid berkongsi pandangan dan komen terhadap lakaran yang dibuat oleh rakan yang duduk di sebelah mereka.
8. Murid menjawab Soalan 8 dalam buku POWER UP RBT halaman 38.